

Ahli Perniagaan Bangladesh Yakin Dengan Ekonomi Malaysia
Bernama
16 Januari, 2013

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Ahli perniagaan Bangladesh, Datuk Dr M. Haider Uzzaman melahirkan keyakinan beliau terhadap ekonomi Malaysia dan akan terus melabur di sini pada masa depan.

"Malaysia merupakan sebuah negara yang baik dan kerajaannya proaktif dalam membangunkan industri pelancongan dengan menyediakan asas dan struktur yang kukuh," katanya.

Haider membuka pelaburan sulungnya, Elegan Hotel, di Jalan Tiong Nam di sini pada November tahun lepas.

Setakat ini beliau telah membelanjakan lebih RM2 juta untuk memulakan operasi hotelnya dan mempunyai perjanjian pajak dan beli bagi bangunan itu sekiranya perniagaan mencapai kejayaan.

Bercakap kepada Bernama mengenai pelaburan hospitaliti pertamanya di Kuala Lumpur, beliau berkata masih ada banyak peluang perniagaan bagi pelaburan di Malaysia.

Ditanya mengapa beliau memilih melabur dekat kawasan Chow Kit, beliau berkata perangkaan daripada Kementerian Pelancongan menunjukkan bahawa pelancong masih tertumpu di sana dan kebanyakan daripada mereka adalah pelancong yang melancong secara bersendirian yang mencari kos penginapan murah.

"Ini merupakan masa yang baik bagi hotel bajet, kerana disebabkan kemelesetan ekonomi, orang lebih berhati-hati dengan wang mereka dan mencari pilihan lebih murah dan tidak akan berbelanja seperti kebiasaan mereka sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922046>